



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**KENYATAAN MEDIA
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

MUZIUM DIRAJA DIJANGKA DIBUKA SEMULA 1 FEBRUARI 2027

PUTRAJAYA, 9 September 2026 – Kementerian Perpaduan Negara terus memantau pelaksanaan kerja pemeliharaan, pemuliharaan dan naik taraf Muzium Diraja, Kuala Lumpur bagi memastikan khazanah warisan negara ini terus dipelihara dengan baik serta projek disiapkan mengikut jadual.

Projek Pemeliharaan dan Pemuliharaan Bangunan Muzium Diraja telah siap pada 15 Disember 2025, manakala Projek Naik Taraf Hiasan Dalaman dan Peragaan yang bermula pada 29 Januari 2026 dijadualkan siap pada 28 Januari 2027. Muzium Diraja dijangka dibuka semula kepada orang ramai pada 1 Februari 2027.

Muzium Diraja yang terletak di Istana Negara Lama telah **diwartakan sebagai Warisan Kebangsaan pada tahun 2007 di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005** merangkumi dua blok utama iaitu **Galeri Diraja dan Balairung Seri**. Galeri Diraja merupakan bekas tempat bersemayam Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong I hingga XIII serta memperlihatkan ruang rasmi dan ruang peribadi yang pernah digunakan oleh Seri Paduka Baginda.

Balairung Seri pula dibina pada tahun 1980-an dan menjadi lokasi pelbagai upacara serta istiadat penting negara, termasuk Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong, upacara mengangkat sumpah, pelantikan Perdana Menteri, pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan serta Majlis Santapan Diraja. Kedua-dua ruang ini menyimpan nilai sejarah penting dalam perjalanan institusi Raja Berperlembagaan negara.

Kementerian Perpaduan Negara komited memastikan **Muzium Diraja** terus dipelihara sebagai khazanah sejarah, institusi pendidikan dan wadah untuk generasi hari ini serta akan datang memahami dan menghayati sejarah institusi Diraja Malaysia.

YB DATUK AARON AGO DAGANG

Menteri Perpaduan Negara

9 September 2025